Dokumen Meja Terkawal

TENDER DALAM TALIAN

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

DOKUMEN TENDER

CADANGAN TAWARAN *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP)

BAGI

MENCADANG, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI, MENGINTEGRASI, MIGRASI DATA SERTA MENTAULIAH SISTEM PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN.

NO. TENDER	**MBSJ.KUB.400-5/8/202**
TARIKH BUKA	**8 MEI 2025**
TARIKH TUTUP	**29 MEI 2025**
MASA TUTUP	**12.00 TENGAH HARI**

DATUK BANDAR,
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANGJAYA,
SELANGOR D.E.
www.mbsj.gov.my

Dokumen Meja Terkawal

NO. TENDER : MBSJ.KUB.400-5/8/202

CADANGAN TAWARAN *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP) BAGI MENCADANG, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI, MENGINTEGRASI, MIGRASI DATA SERTA MENTAULIAH SISTEM PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN.

BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	**SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER**	SS 1 - SS 4
B	**SURAT AKUAN PEMBIDA - LAMPIRAN 6**	SAP 1- SAP 2
C	**BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL – LAMPIRAN 12**	BP 1
D	**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA – LAMPIRAN 13**	SAS 1
E	**ARAHAN KEPADA PETENDER**	AKP1 - AKP12
F	**SYARAT-SYARAT KHUSUS**	SSK 1 - SSK 17
G	**TOR/NEEDS STATEMENT**	TOR 1 -TOR 7
H	**SPESIFIKASI TEKNIKAL**	ST 1 – ST 51
J	**MAKLUMAT PETENDER**	MP1-12

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

Dokumen Meja Terkawal

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN TENDER DAN MAKLUMAT PETENDER.

1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen Tender kami semasa mengemukakan Tender ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan perkhidmatan yang ditender semasa penilaian Tender.

2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Tender ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan perkhidmatan yang ditender. Justeru itu Tender kami akan hanya dipertimbang untuk diperakukan kepada Lembaga Tender di setuju terima sekiranya kami di dapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.

3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum tender ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan di dalam penilaian keupayaan kami.

4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **Tender kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.

5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budi bicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

(~~KERJA/BEKALAN~~/PERKHIDMATAN)

Sila tandakan [√] bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

Sila tandakan [X] bagi dokumen-dokumen yang tidak disertakan atau tidak berkaitan.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender
1	Petender adalah **diwajibkan** mengemukakan sekurang-kurangnya satu (1) dari perkara-perkara berikut : i) Salinan Penyata Bulanan Bank bagi **tiga (3) bulan** terakhir sebelum tarikh tutup Tender bagi bulan **Februari, Mac dan April tahun 2025 (Penyata tersebut hendaklah DISAHKAN atau:** ii) Salinan akaun yang diaudit oleh Akauntan bertauliah bagi **tiga (3)** tahun kewangan terakhir yang telah DISAHKAN bagi Syarikat Sdn Bhd sahaja **atau:** iii) Sebarang salinan dokumen/surat pengesahan sebagai bukti kepada bayaran dijangka, kemudahan pinjaman dari bank, overdraf, kemudahan kredit dari pembekal dan lain-lain yang terkini. **Penyata bank di atas telah DISAHKAN OLEH PIHAK BANK yang mengeluarkan penyata tersebut (penyata yang tidak disahkan akan mengakibatkan Tender tuan tidak akan dipertimbangkan semasa penilaian Tender dibuat).**	☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐
2	Surat Akuan Pembida (Lampiran 6) yang telah siap diisi dan ditandatangani. **(Wajib).**	☐	☐
3	Salinan Borang D atau Borang E bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. **atau:** Salinan Borang Teras ***('Super Form')*** bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Syarikat 2016. **(Wajib)**	☐	☐

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender
4	Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial (BO) (Lampiran 12) berdasarkan Akta Syarikat (Pindaan) 2024 (Akta A 1701) dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang telah siap diisi dan ditandatangani. **(Wajib)**	☐	☐
5	Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa (Lampiran 13) yang telah siap diisi dan ditandatangani. **(Wajib)**	☐	☐
6	Salinan sijil Pematuhan Cukai atau Tax Compliance Certificate (TCC) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). **(Wajib)**	☐	☐
7	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat **dan/atau** Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).	☐	☐
8	Borang A - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. **(Wajib)**	☐	☐
9	Bagi membolehkan penilaian teknikal dilakukan, petender perlu mengemukakan bukti pemilikan/ keempunyaan loji, jentera, peralatan dan lain-lain seperti : i) Kenderaan / jentera dengan menyertakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan / Sijil / Surat Pajakan ii) Peralatan kerja dengan menyertakan senarai peralatan beserta bilangan iii) Pengalaman kerja dengan menyertakan Surat Setuju Terima (SST) yang telah **DISAHKAN** dan laporan penilaian prestasi dalam tempoh lima (5) tahun terkini oleh agensi terlibat. iv) Petender mempunyai pengalaman yang luas dalam pembangunan sistem perakaunan dan mempunyai sistem yang telah diiktiraf SAGA oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia. v) Petender mempunyai pengalaman dalam membangunkan sistem perakaunan di Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan dan sistem tersebut telah memperolehi pengiktirafan SAGA oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia. vi) Salinan sijil-sijil kursus/ seminar/ latihan berkaitan	☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐

10	Lain-lain (Sila nyatakan) : i) _____ _____ ii)	☐ ☐	☐ ☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Tender. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar. Tandatanga: Nama: Jawatan : Tarikh :	**UNTUK KEGUNAAN JABATAN** Jawatankuasa Pembuka Tender mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil…… (jika ada) Tandatangan: Nama: Jawatan : Tarikh : Tandatangan: Nama: Jawatan : Tarikh :

* Sila potong mana tidak berkenaan

Dokumen Meja Terkawal

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

SURAT AKUAN PEMBIDA - LAMPIRAN 6

Dokumen Meja Terkawal

LAMPIRAN 6

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

CADANGAN TAWARAN *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP) BAGI MENCADANG, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI, MENGINTEGRASI, MIGRASI DATA SERTA MENTAULIAH SISTEM PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN.

MBSJ.KUB.400-5/8/202

Saya, ….....…. (Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan ……..... yang mewakili …..... (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran ……..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

Dokumen Meja Terkawal

3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : .....

Nama : .....

No.KP : .....

Tarikh : .....

Cap Syarikat : .....

Catatan:

(i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*] .

(ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL (LAMPIRAN 12)

Dokumen Meja Terkawal

LAMPIRAN 12

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

CADANGAN TAWARAN *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP) BAGI MENCADANG, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI, MENGINTEGRASI, MIGRASI DATA SERTA MENTAULIAH SISTEM PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN.

MBSJ.KUB.400-5/8/202

Saya…… nombor kad pengenalan ……..…..…..
yang mewakili syarikat ……..…… nombor pendaftaran ……..
(*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa pemunya benefisial syarikat seperti mana diisytiharkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti di Lampiran A dan senarai pemunya benefisial tambahan bagi kontrak ini (jika ada) adalah seperti berikut:

a) Butiran Pemunya Benefisial (Individu):

Nama Individu	No. Kad Pengenalan / No. Pasport	Kewarganegaraan

b) Butiran Pemunya Benefisial (Syarikat):

Nama Syarikat	No. Pendaftaran (MOF/CIDB/SSM) atau No. Pendaftaran Bagi Syarikat Asing	Lokasi Syarikat (Nama Negara)

[Berdasarkan Akta Syarikat (pindaan) 2024 [*Akta A1701*] dan garis panduan yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cap Syarikat :

Catatan:
*** Potong yang mana tidak berkenaan**

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA – LAMPIRAN (LAMPIRAN 13)

Dokumen Meja Terkawal

LAMPIRAN 13

SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA

CADANGAN TAWARAN *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP) BAGI MENCADANG, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI, MENGINTEGRASI, MIGRASI DATA SERTA MENTAULIAH SISTEM PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN.

MBSJ.KUB.400-5/8/202

Saya, ….....…. (Nama Wakil Syarikat) ….....…. No. Kad Pengenalan ..... yang mewakili ….....…. (Nama Syarikat) ….....…. nombor Pendaftaran ….....…. (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) ….....…. dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan :

i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;

ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi; dan

iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti penyeludupan Migran 2007 *[Akta 670]* dan Akta Kerja 1955 *[Akta 265]* serta manamana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Anti pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 *[Akta 265]* serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan : .....
Nama : .....
No. KP : .....
Tarikh : .....

Cap Syarikat : .....

Dokumen Meja Terkawal

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

ARAHAN KEPADA PETENDER

Dokumen Meja Terkawal

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

SYARAT-SYARAT KHUSUS

CADANGAN TAWARAN *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP) BAGI MENCADANG, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI, MENGINTEGRASI, MIGRASI DATA SERTA MENTAULIAH SISTEM PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN.

MBSJ.KUB.400-5/8/202

SYARAT-SYARAT KHUSUS

Petender adalah dikehendaki mematuhi sepenuhnya syarat-syarat berikut apabila menyertai tender ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan cadangan *Request For Proposal* (RFP) yang dikemukakan oleh pembida ***ditolak***.

a. Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan dokumen cadangan akibat kecuaian dalam penyerahan dokumen berkenaan.

b. Dokumen cadangan yang lewat dihantar/diserahkan tidak akan dipertimbangkan. Majlis tidak akan bertanggungjawab ke atas dokumen cadangan yang dihantar melalui kiriman pos sekiranya berlaku sebarang kelewatan, kehilangan atau lain-lain lagi.

c. Majlis berhak pada bila-bila masa sebelum tarikh tutup penghantaran cadangan, meminda dokumen *Request For Proposal* (RFP) dengan menyediakan dokumen tambahan (addendum) kerana sebab-sebab tertentu atas inisiatif Kerajaan. Sebarang makluman pindaan akan dimaklumkan melalui e-mel Pembida yang didaftarkan ketika taklimat.

d. Sekiranya diperlukan, Majlis berhak memilih satu cadangan *Request For Proposal* (RFP) atau kombinasi *Request For Proposal* (RFP) untuk dijadikan satu spesifikasi baru Majlis tanpa melibatkan sebarang bayaran atau pampasan kepada syarikat;

e. Majlis tidak terikat untuk melantik mana-mana syarikat berdasarkan cadangan *Request For Proposal* (RFP) yang dikemukakan;

f. Petender adalah bertanggungjawab (accountable) terhadap apa-apa representasi;

g. Petender boleh diminta memberi taklimat/persembahan dan kos yang terlibat hendaklah ditanggung oleh syarikat;

h. Petender adalah dibenarkan untuk mengemukakan cadangan dalam bentuk dokumen, video, model, *prototype* dan lain-lain;

i. Petender adalah dikehendaki untuk mengemukakan cadangan *Request For Proposal* (RFP) dalam bentuk *hard copy* dan *soft copy* kepada pihak Majlis;

j. Sebarang kos yang terlibat dalam penyediaan cadangan *Request For Proposal* (RFP) hendaklah ditanggung oleh petender;

k. Majlis berhak menggunakan cadangan daripada syarikat sama ada syarikat tersebut berjaya atau tidak; dan

l. Dokumen *Request For Proposal* (RFP) yang dikemukakan adalah SULIT.

1.0 KELAYAKAN MEMASUKI TENDER *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP)

1.1 Petender **WAJIB** mengemukakan bersama-sama dengan Dokumen Cadangan *Request For Proposal* (RFP), Borang-Borang Pembida, Salinan Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dan Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat **dan/atau** Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah kod bidang seperti yang diiklankan. Petender yang tidak menyertakan salinan dokumen-dokumen berkenaan adalah tidak layak dipertimbangkan.

1.1.1 Petender-petender yang hendak menyertai tawaran ***Request For Proposal*** **(RFP)** ini hendaklah berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** di bawah kod bidang seperti yang diiklankan. Kegagalan menyertakan dokumen-dokumen tersebut akan mengakibatkan tidak layak untuk dipertimbangkan.

1.1.2 Salinan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada) hendaklah disertakan bersama-sama di dalam dokumen tawaran.

1.1.3 Petender hendaklah mematuhi cadangan *Request For Proposal* (RFP), Syarat-syarat khusus dan *TOR/ Needs Statement* yang disertakan bersama-sama dalam dokumen ini.

1.1.4 Petender **wajib** mematuhi syarat-syarat tersebut apabila menyertai cadangan *Request For Proposal* (RFP) ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat akan menyebabkan ***cadangan RFP tidak dipertimbangkan dan ditolak.***

1.1.5 Cadangan *Request For Proposal* (RFP) hendaklah dibuat atas dokumen tender asal *Request For Proposal* (RFP) yang dibeli oleh petender dan tidak dibenarkan dibuat atas/pada borang-borang salinan. Semua borang-borang berhubung dengan tender hendaklah ditandatangani oleh penama yang diberi kuasa. Mana-mana borang yang tidak bertandatangan dan tiada cap rasmi petender tidak layak untuk dipertimbangkan.

1.1.6 Petender mempunyai pengalaman yang luas dalam pembangunan sistem perakaunan dan mempunyai sistem yang telah diiktiraf SAGA oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

1.1.7 Petender mempunyai pengalaman dalam membangunkan sistem perakaunan di Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan dan sistem tersebut telah memperolehi pengiktirafan SAGA oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

1.1.8 Petender mempunyai prestasi kerja/perkhidmatan/ pembekalan yang memuaskan dengan perolehan kerajaan dalam tempoh 5 tahun terkini.

2.0 BORANG MAKLUMAT LATARBELAKANG SYARIKAT

2.1 Petender hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama dengan Borang Maklumat Latar belakang Petender iaitu Borang B.

Dokumen Meja Terkawal

2.1.1 Untuk syarikat persendirian atau perkongsian, satu (1) salinan Borang Pendaftaran Perniagaan D dan E;

2.1.2 Untuk syarikat Sendirian Berhad, satu (1) salinan Memorandum dan Artikel Syarikat.

2.2 Sekiranya berlaku sebarang perubahan atau pindaan kepada dokumen tersebut, petender adalah dikehendaki memaklumkan kepada Majlis secara bertulis.

3.0 DATA-DATA KEWANGAN

3.1 Petender hendaklah mengemukakan maklumat dan dokumen berikut yang berkaitan dengan profil dan kedudukan kewangan petender bersama-sama dengan Borang Data - Data Kewangan iaitu Borang C dan CA (jika perlu dilengkapkan)

a. Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup tender untuk meneliti wang dalam tangan.

b. Salinan Penyata Kewangan bagi tiga (3) tahun yang disahkan dan diaudit oleh Juru audit bertauliah bagi tahun kewangan terakhir. Sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya.

c. Laporan kedudukan kewangan petender harga termasuk kemudahan kredit yang disediakan dari Bank/Institusi Kewangan.

d. Kesemua dokumen perlu disertakan bersama dokumen sokongan yang disahkan oleh institusi yang diiktiraf.

4.0 REKOD PENGALAMAN KERJA

Petender hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan bersama-sama dengan Borang Rekod Pengalaman Kerja mengikut format di dalam **Borang D**.

5.0 SENARAI KONTRAK KERJA SEMASA

Syarikat hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan bersama-sama dengan Borang Senarai Kontrak Kerja Semasa mengikut format di dalam **Borang G**.

6.0 SPESIFIKASI TEKNIKAL

Maklumat Teknikal minimum yang perlu dikemukakan oleh setiap petender kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya dalam cadangan teknikal mereka termasuklah:

6.1 Kelayakan Petender

Petender dikehendaki mengemukakan latarbelakang syarikat, profail syarikat, sijil pendaftaran, penyata kewangan yang telah diaudit dan DISAHKAN, dan maklumat pengalaman seperti (*track record*, persijilan akreditasi dan lain-lain) pada cadangan teknikal syarikat.

6.2 Metodologi

Penjelasan secara naratif dan grafik tentang metodologi/kaedah petender untuk melaksanakan projek ini. petender perlu menjelaskan tentang metodologi projek, tempoh masa, program pelaksanaan projek secara tentatif, cara mengatasi dan menantangani masalah.

6.3 Pengoperasian dan Penyelenggaraan

Dalam tempoh pengoperasian, MBSJ berhak menilai tahap pengoperasian dan penyelenggaraan daripada petender. Dalam Cadangan teknikal (*technical proposal*), petender dikehendaki mengemukakan struktur organisasi pengurusan dan kakitangan utama dan pendekatan tentang pengoperasian serta penyelenggaraan terhadap projek RFP ini.

7.0 TAKLIMAT

7.1 Taklimat adalah diwajibkan bagi semua petender yang memasuki cadangan RFP ini.

7.2 Kegagalan petender menghadiri sesi taklimat akan menyebabkan syarikat berkenaan tidak berkelayakan untuk dipertimbangkan bagi menyertai tender ini.

7.3 Petender perlu berdaftar dengan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Selangor melalui laman sesawang http://tender.selangor.my/ untuk menyertai tender. Dokumen tender hanya boleh didapati secara dalam talian melalui laman sesawang tersebut dan perlu dibeli serta dimuat turun (download) melalui akaun masing-masing.

8.0 TEMPOH SAH LAKU TENDER

Tempoh sah laku tender ini adalah selama 90 hari bermula daripada tarikh tender ini ditutup. Walau bagaimanapun, Majlis berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku tender ini apabila diperlukan mengikut peraturan yang ditetapkan.

9.0 PENGHANTARAN DOKUMEN

Petender **WAJIB** menyerahkan:

(i) **satu (1) set dokumen asal yang dimasukkan dalam sampul berlainan seperti di Senarai Semak Tender,** kedua-dua sampul berlainan tersebut dimasukkan dalam satu (1) sampul surat berikat kemas. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul ditulis dengan nombor tender kerja MBSJ.KUB.. Dokumen perlu disusun mengikut senarai semak Tender dan dibahagikan satu perkara dengan satu perkara dengan kertas berwarna (*separator*).

(ii) **satu (1) set cakera padat mengandungi *softcopy* dokumen teknikal dan kewangan yang telah diisi dengan lengkap**.

(iii) **Petender dibenarkan/dikehendaki menyertakan dokumen cadangan *Request For Proposal* (RFP) berdasar skop yang dinyatakan oleh MBSJ atau tambahan skop yang bersesuaian.**

Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Tender **DITOLAK**.

10.0 HAK-HAK MBSJ

MBSJ tidak akan terikat untuk menerima sebarang Tender yang terendah dan tidak terikat untuk memberi sebarang sebab atas penolakan tersebut. MBSJ juga mempunyai hak untuk menerima semua tawaran seperti yang terdapat dalam keseluruhan jadual, kombinasi kepada jadual atau beberapa item-item mengikut budi bicaranya sendiri dan juga akan memesan kuantiti yang lebih besar atau lebih kecil jika diperlukan, kecuali harta tertentu yang telah dinyatakan/ditentukan oleh Petender.

11.0 BIDANG KERJA YANG DITETAPKAN

Petender dikehendaki memberi cadangan dan perkhidmatan bagi projek Mencadang, Merekabentuk, Membangun, Memasang, Menguji, Mengintegrasi, Migrasi Data Serta Mentauliah Sistem Perakaunan, Kewangan Dan Hasil SAGA Bersepadu Untuk Majlis Bandaraya Subang Jaya. Skop kerja Tender ini adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

a. Petender dikehendaki untuk bekerjasama dengan Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Perbendaharaan, Majlis Bandaraya Subang Jaya untuk memahami dan mengesahkan keperluan MBSJ untuk mengesyorkan dan membangunkan pengurusan digital yang terbaik.
b. Merekabentuk sistem mengikut keperluan pengguna yang telah dikenalpasti.
c. Membangun sistem mengikut kehendak pengguna dan menggunapakai teknologi yang bersesuaian dan mesra pengguna.
d. Membangunkan *Application Programming Interface* (API) bagi pengintegrasian dengan sistem yang berkaitan.
e. Melaksanakan data migrasi dan kerja pembersihan data.
f. Menguji sistem yang telah siap dibangunkan dan mengadakan ujian penerimaan pengguna mengikut prosedur.
g. Melatih pengguna sistem untuk menggunakan modul-modul di dalam sistem dan menyediakan dokumen manual sebagai bantuan tambahan kepada pengguna.
h. Mentauliah dan memastikan sistem sentiasa beroperasi dengan baik dan dapat dicapai setiap masa.
i. Memastikan sistem diselenggara dengan baik sepanjang tempoh jaminan.
j. Sebarang ralat yang berlaku dalam tempoh jaminan perlu dibaiki tanpa kos tambahan.
k. Hendaklah menyediakan khidmat sokongan teknikal berterusan sekiranya berlaku apa-apa kegagalan terhadap sistem.

12.0 TEMPOH KONTRAK

(i) Penender yang berjaya adalah diwajibkan mengikat suatu kontrak dengan MBSJ.

(ii) Semua syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen ini atau di mana-mana jadual yang terdahulu bersama-sama dengan dokumen tender ini adalah merupakan sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara MBSJ dan penender yang berjaya.

Dokumen Meja Terkawal

(iii) Penender yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak perjanjian (Dokumen perjanjian akan disediakan oleh Jabatan Undang-undang MBSJ) dengan pihak MBSJ. Sebarang bantahan kepada syarat-syarat kontrak hendaklah dibuat semasa penyediaan kontrak perjanjian.

(iv) Petender dikehendaki membayar kos untuk menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ

13.0 PERUBAHAN KONTRAK

Perubahan kontrak dari segi terma, syarat, kuantiti dan kos boleh dilakukan atas persetujuan secara bertulis oleh kedua-dua pihak.

14.0 PENAMATAN KONTRAK

(i) Kontrak termaktub apabila kedua-dua pihak menurunkan tandatangan dan akan berkuatkuasa sehingga tamat tempoh seperti mana masa yang dinyatakan dalam kontrak perjanjian.

(ii) Pihak MBSJ mempunyai hak menamatkan kontrak tersebut dengan memberi notis bertulis dalam tempoh **30 hari** disebabkan kegagalan penender dalam mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan dalam pembangunan sistem yang dinyatakan. Perincian mengenai perkara tersebut akan dimasukkan di dalam perjanjian kontrak. Dengan sebab penamatan kontrak sebegini, penender mestilah memulangkan keseluruhan atau sebahagian wang yang telah dibayar sebelumnya.

15.0 AKTA RAHSIA RASMI

(i) Petender yang berjaya adalah terikat dengan Akta Rahsia Rasmi MBSJ bagi setiap maklumat yang diperolehi sepanjang tempoh kontrak dijalankan.

(ii) Petender yang berjaya dikehendaki mengisi dan menandatangani Surat Akuan Pematuhan Polisi Keselamatan Siber MBSJ dan Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972 sebagai perakuan Petender berkenaan Akta Rahsia Rasmi MBSJ.

16.0 TANGGUNGJAWAB PETENDER

(i) Petender adalah bertanggungjawab untuk memahami dokumen RFP, termasuk

Dokumen Meja Terkawal

keperluan di dalamnya dan membuat semua pemeriksaan yang diperlukan untuk memastikan semua faktor, pertanyaan dan soalan yang mungkin menjejaskan cadangan Petender.

(ii) Petender mesti memastikan bahawa cadangan itu secara spesifik dan mematuhi setiap syarat, pernyataan keperluan dan pertanyaan yang dibangkitkan dalam dokumen RFP secara jelas dan tepat. Semua manual, dokumentasi atau brosur sokongan mesti dilampirkan dalam Cadangan. Kegagalan mematuhi keperluan ini boleh menyebabkan penolakan kepada dokumen cadangan.

(iii) Petender mesti memastikan bahawa fakta dan maklumat yang dibentangkan dalam cadangan adalah betul pada masa ia dibentangkan. Kegagalan untuk mematuhi keperluan ini akan menyebabkan kehilangan kelayakan Petender.

17.0 TAKLIMAT

(i) Petender yang mengambil bahagian **DIKEHENDAKI** menghadiri taklimat RFP yang akan diadakan pada masa dan ketetapan yang dimaklumkan MBSJ.

a) Kehadiran Petender adalah **WAJIB** dan kegagalan menghadiri taklimat tersebut akan menyebabkan tawaran anda **TIDAK DIPERTIMBANGKAN**.

b) Bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat RFP. Kontraktor/syarikat **TIDAK BOLEH MEWAKILKAN** pegawai selain daripada penama dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

c) Hanya terhad kepada dua (2) penama dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dibenarkan untuk menghadiri sesi taklimat RFP ini.

d) Pembekal hendaklah membawa satu (1) Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan dan Cap Syarikat semasa pendaftaran kehadiran sesi taklimat bagi tujuan semakan.

(ii) Tidak ada sebarang pertukaran (selain dari mengisi tempat kosong yang di kehendaki) boleh dibuat di mana - mana dokumen disertakan.

(iii) Jika ada catatan tambahan hendaklah dibuat berasingan dengan ringkas untuk merujuk ke mana-mana butiran dalam dokumen.

Dokumen Meja Terkawal

(iv) MBSJ berhak **MENOLAK** dan **MENGGUGURKAN** mana-mana Tender yang didapati:

a) Menggunakan dokumen Tender selain daripada yang disahkan oleh MBSJ
b) Tulisan atau angka-angka yang mengelirukan.
c) Sukar dibaca dan difahami.
d) Tidak mengikut atau melanggar **SYARAT-SYARAT TENDER RFP**.
e) Maklumat atau jumlah wang ringgit yang dipertikaikan.
f) Tidak menulis nama, alamat dan maklumat Petender.
g) Tulisan menggunakan pensel.
h) Pengiraan jumlah yang salah.
i) Tidak menepati spesifikasi yang diperlukan.

(v) **Cecair pemadam tidak dibenarkan untuk membuat perubahan pada harga/kadar harga**. Sebarang perubahan tersebut hendaklah dibuat dengan memotong yang asal dan menulis yang baru di atasnya dan tandatangan ringkas pembetulan tersebut.

(vi) Pembida hendaklah membaca dan memahami keseluruhan arahan-arahan di dalam bidang kerja kontrak sebelum mengisi kadar harga.

(vii) Alamat yang ditulis perlulah alamat daftar atau telah diubah dan pihak pendaftar telah diberitahu berkenaannya.

(viii) Surat-menyurat selepas tarikh tutup tender tidak akan dilayan. Maklumat yang diperolehi **secara tidak rasmi** iaitu tanpa permohonan bertulis kepada MBSJ tidak boleh dijadikan sebagai bahan sokongan bagi tawaran yang dikemukakan.

18.0 PENYEDIAAN RFP

(i) Penyerahan RFP hendaklah disiapkan dalam dakwat hitam dan **bertaip**. Penyerahan yang ditulis menggunakan pensel tidak boleh diterima dan akan membatalkan tawaran Petender.

(ii) Semua pembetulan, pengubahan dan / atau apa-apa pindaan lain hendaklah diisi dengan betul oleh Petender.

19.0 SENARAI SEMAK

(i) Petender dikehendaki menyerahkan senarai semak penyerahan RFP seperti yang dinyatakan berdasarkan Senarai Semak Kewangan (Kewangan) dan Senarai Semak Teknikal (Teknikal).

(ii) Penentuan skop kerja yang perlu dilaksanakan hendaklah memenuhi spesifikasi seperti di **Lampiran T1 -T7**

(iii) Penender **tidak boleh** menawarkan lebih daripada satu (1) tawaran teknikal sebagai penyelesaian keseluruhan ***(total solution)*** bagi keperluan tender ini. MBSJ berhak menolak alternatif yang ditawarkan jika syarat ini tidak dipatuhi.

(iv) MBSJ tidak akan melayan sebarang tuntutan bagi bayaran tambahan harga akibat perbezaan antara tafsiran penender dengan tafsiran MBSJ mengenai skop kerja tersebut.

20.0 HAK HARTA INTELEK

(i) Sistem Perakaunan, Kewangan dan Hasil yang dipasang adalah kekal menjadi hak harta intelek MBSJ.

(ii) Pihak penender diminta untuk menyediakan dokumentasi sistem yang berkaitan seperti dinyatakan di **Lampiran T2** serta lain-lain dokumen berkaitan yang akan ditentukan kemudian. Dokumentasi sistem sekurang-kurangnya terdiri dari Dokumentasi Spesifikasi Sistem, Dokumen rekabentuk Sistem, Dokumentasi Manual Sistem dan lain-lain yang akan ditentukan kemudian. Semua dokumentasi yang dihasilkan untuk tujuan sistem ini adalah hak intelek MBSJ.

(iii) Kesemua kod pengaturcaraan *(Source Code),* perlu diserahkan semula kepada MBSJ sama ada dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* (di dalam CD) apabila sistem siap dipasang. Ianya hendaklah diserahkan dalam tempoh 14 hari selepas dari tarikh sijil penerimaan peringkat akhir diterima oleh penender.

(iv) Penender adalah **DILARANG** untuk membuat salinan Sistem Perakaunan, Kewangan dan Hasil tanpa persetujuan bertulis dari MBSJ. Tindakan undang-undang boleh diambil sekiranya didapati arahan ini diabaikan.

21.0 FORMAT PENYERAHAN RFP

(i) Cadangan itu hendaklah disediakan dan diserahkan dalam sampul / pakej yang dimeterai berasingan seperti berikut:

- Sampul A: Cadangan Teknikal
- Sampul B: Cadangan Kewangan

(ii) Petender juga harus mengemukakan softcopy proposal dalam dua (2) CD terpisah masing-masing untuk penyerahan kewangan dan teknikal.

(iii) *Softcopy* ini mestilah dalam format asal di mana ia dicipta (mis. MS Word, MS PowerPoint, MS Excel, dan lain-lain)

(iv) Salinan cetakan akan diambil kira sekiranya berlaku percanggahan di antara salinan cetakan dan *softcopy*.

(v) Risalah (*brochure*) dan lain-lain dokumen **asal (*original*)** berkaitan hendaklah disertakan di dalam dokumen tawaran yang dikemukakan (jika ada). Butiran yang ditawarkan hendaklah dicatatkan dengan terang.

22.0 FORMAT CADANGAN TEKNIKAL

(i) Sekurang-kurangnya, Petender akan menggunakan jadual kandungan berikut untuk mengemukakan Cadangan Teknikal. Petender mesti memasukkan semua item dalam senarai semak teknikal seperti yang diterangkan dalam Senarai Semak Teknikal. Petender hendaklah mengikuti jadual kandungan cadangan yang disediakan di Cadangan Teknikal**.** Kegagalan mematuhi keperluan ini akan membatalkan penyertaan Petender.

(ii) **Maklumat yang diperlukan dalam tawaran teknikal adalah seperti berikut: -**

a) Isi Kandungan
b) Ringkasan Eksekutif
c) Spesifikasi Teknikal
d) Jadual Pelaksanaan
e) Pengalaman Syarikat
f) Struktur Organisasi Pasukan
g) Khidmat Sokongan

(iii) Petender hendaklah menjelaskan secara jelas dan menyeluruh mengenai penyelesaian, pendekatan, aktiviti dan penyampaian yang dicadangkan kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya. Kegagalan menjelaskan secara terperinci mungkin menyebabkan cadangan Petender tidak dinilai dengan betul oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya dan mata yang ditolak semasa penilaian teknikal.

23.0 FORMAT CADANGAN KEWANGAN

(i) Sekurang-kurangnya, Petender menggunakan jadual kandungan berikut untuk mengemukakan Cadangan Kewangan. Petender mesti memasukkan semua item dalam senarai semak kewangan seperti yang dinyatakan di Senarai Semak Kewangan. Kegagalan mematuhi keperluan ini akan membatalkan penyertaan Petender.

(ii) Petender hendaklah menggambarkan dengan jelas dan menyeluruh mengenai cadangan Kewangan terhadap projek yang berkaitan. Gagal menjelaskan secara terperinci mungkin menyebabkan cadangan Petender tidak dinilai dengan betul oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya dan mata yang ditolak semasa penilaian kewangan.

24.0 PENYATAAN PEMATUHAN

(i) MBSJ tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa salah faham yang timbul daripada kegagalan oleh Petender untuk mematuhi spesifikasi teknikal rujukan Cadangan Teknikal.

(ii) Bagi setiap item dalam penyata pematuhan, Petender mesti memilih salah satu daripada yang berikut:

a. Sepenuhnya Mematuhi - di mana Petender dapat mematuhi sepenuhnya klausa dan sub-fasal

b. Tidak Mematuhi - Di mana Petender tidak dapat mematuhi sepenuhnya fasal dan sub-fasal

(iii) Penyataan pematuhan mestilah dirujuk silang dengan cadangan Petender, kegagalan yang mana fasal atau subkasal tersebut dianggap sebagai tidak patuh / tidak mematuhi.

25.0 MESYUARAT DAN PERTANYAAN

(i) Semua kos yang ditanggung oleh Petender dalam menyediakan Cadangan dan menghadiri taklimat dengan MBSJ mesti ditanggung oleh Petender.

(ii) Para Petender tidak dibenarkan menghubungi mana-mana kakitangan MBSJ yang terlibat dalam RFP ini untuk tujuan mendapatkan sebarang maklumat tidak rasmi.

(iii) Sebarang maklumat yang diperoleh tanpa permintaan bertulis kepada MBSJ tidak boleh digunakan sebagai bahan sokongan untuk cadangan itu.

26.0 PINDAAN KEPADA DOKUMEN RFP

MBSJ berhak untuk meminda atau memadam mana-mana bahagian dokumen RFP ini atau mana-mana dokumen yang membentuk sebahagian daripada dokumen RFP ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu untuk mencerminkan perubahan dalam dasar atau bagi maksud membetulkan kesilapan, ketinggalan, kekaburan atau ketidakkonsistenan yang mungkin timbul selepas terbitan dokumen RFP ini.

27.0 KERAHSIAAN

(i) Semua maklumat adalah bersifat rahsia sama ada yang dihasilkan di Malaysia atau di luar negeri dan mesti tertakluk kepada Undang- undang dan Peraturan Malaysia. Tanpa menjejaskan hak Majlis Bandaraya Subang Jaya di bawah mana-mana undang-undang, pelanggaran kerahsiaan oleh Petender akan memberi hak kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya untuk menamatkan urusan dengan Petender tanpa notis terlebih dahulu.

(ii) Jemputan kepada RFP dan maklumat lanjut yang dibekalkan oleh MBSJ hendaklah dirahsiakan. Petender, termasuk subkontraktornya, tidak dibenarkan untuk menggunakan maklumat ini untuk sebarang tujuan selain daripada tujuan pelaksanaan kerja tender RFP dengna MBSJ ini sahaja.

(iii) Semua maklumat yang terkandung dalam dokumen RFP adalah SULIT. Begitu juga semua maklumat yang dikemukakan oleh Petender dalam cadangan mereka akan dipelihara untuk kegunaan MBSJ sahaja.

(iv) Petender hendaklah menganggap apa-apa maklumat mengenai kandungan dokumen RFP ini adalah sulit dan tidak boleh mendedahkan apa-apa maklumat, lisan atau bertulis kepada pihak ketiga tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada MBSJ.

28.0 PROSES UNTUK DIRAHSIAKAN

Selepas pengeluaran Dokumen RFP, maklumat yang berkaitan dengan kandungan, pemeriksaan, penilaian dan perbandingan cadangan dan cadangan berkaitan dengan pemberian kontrak tidak akan didedahkan kepada mana-mana orang yang tidak secara rasmi terlibat dengan proses tersebut.

29.0 PEMBENTANGAN CADANGAN/PROTOTAIP

(i) Petender yang telah disenarai pendek untuk penilaian Tender akan dimaklumkan melalui surat dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh tutup tawaran.

(ii) Petender hendaklah membentangkan cadangan penyelesaian atau prototaip (sekiranya ada) yang memenuhi keperluan-keperluan spesifikasi sistem seperti yang telah dinyatakan di atas kepada panel penilai sekiranya disenarai pendek di dalam penilaian Tender ini.

(iii) Semua perbelanjaan yang ditanggung untuk membangunkan dan menjalankan demonstrasi produk penyelesaian yang dicadangkan hendaklah ditanggung oleh Petender.

30.0 BUTIRAN PROSES PEMILIHAN

MBSJ tidak akan memaklumkan atau memberikan butiran proses pemilihan sama ada Petender yang berjaya atau tidak berjaya dalam tawaran ini.

31.0 PENERIMAAN DAN PENOLAKAN

(i) MBSJ berhak untuk menerima atau menolak mana-mana atau semua tawaran dan menghentikan proses RFP ini tanpa kewajipan atau liabiliti kepada mana-mana Petender yang berpotensi.

(ii) MBSJ berhak untuk menerima keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan pada budi bicara Majlis Bandaraya Subang Jaya melainkan jika Petender menyatakan sebaliknya.

(iii) MBSJ boleh mengikut budi bicara mutlaknya memutuskan untuk memasukkan keseluruhan cadangan atau mana-mana bahagian tersebut ke dalam kontrak ("Kontrak"). Kegagalan Petender yang berjaya untuk menerima syarat-syarat ini dan lain-lain akan membatalkan penganugerahan. MBSJ berhak untuk memberi kontrak kepada Petender yang menyediakan penyelesaian yang paling sesuai untuk keperluan perniagaannya.

(iv) Apa-apa keputusan yang diumumkan oleh MBSJ kepada Petender adalah muktamad. Apa-apa bantahan daripada Petender sama ada secara lisan atau bertulis kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya tidak akan dilayan.

32.0 PERUBAHAN SKOP

MBSJ berhak pada masa Kontrak untuk mengubah perkhidmatan yang dinyatakan dalam Skop Kerja, tanpa sebarang perubahan kepada terma dan syarat lain. Jumlah kontrak hendaklah disesuaikan dengan sewajarnya mengikut budi bicara MBSJ.

33.0 TEMPOH SAH RFP

(i) RFP adalah sah untuk tempoh sembilan puluh (90) hari selepas tarikh tutup RFP.

(ii) MBSJ hendaklah mempunyai hak untuk memohon pelanjutan tempoh sah. Surat hendaklah dikeluarkan oleh MBSJ kepada Petender yang meminta persetujuan perpanjangan itu.

34.0 DOKUMENTASI

Semua dokumen yang dikemukakan kepada MBSJ akan menjadi milik MBSJ dan tidak akan dikembalikan kepada Petender dalam apa jua keadaan.

35.0 MATA WANG DAN HARGA

(i) Harga yang dicadangkan itu hendaklah termasuk apa-apa kewajipan atau cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia dan semua pembayaran yang dijangkakan (sila berikan butiran).

(ii) Harga bahan atau perkhidmatan asing yang ditawarkan dalam Ringgit Malaysia mestilah tidak tertakluk kepada pelarasan sekiranya terdapat perbezaan dalam kadar pertukaran.

(iii) Di samping itu, beberapa hasil dan aktiviti yang telah dikenalpasti sebagai pilihan maka Majlis Bandaraya Subang Jaya boleh atau mungkin tidak mempertimbangkan cadangan reka bentuk yang dikemukakan.

36.0 PINDAAN KEPADA CADANGAN

Tiada pindaan akan dibuat kepada Cadangan selepas penyerahannya.

37.0 KESILAPAN DALAM CADANGAN

(i) Petender dinasihatkan untuk mengkaji RFP ini dengan teliti sebelum memuktamadkan cadangan mereka untuk dikemukakan. Kewajipan adalah pada Petender untuk memastikan cadangan yang tepat dan lengkap dikemukakan.

38.0 NOTIS SETUJU TERIMA (*NOTIFICATION OF AWARD*)

(i) MBSJ akan memberi notis bertulis dalam bentuk **Surat Setuju Terima (SST)** kepada penender yang berjaya apabila tendernya dipersetujui dalam jangkamasa sah laku tender atau jangkamasa tambahan yang terlibat.

(ii) MBSJ tidak bertanggungjawab untuk menerima harga yang terendah atau mana-mana cadangan dan mempunyai hak untuk menolak mana-mana atau semua cadangan dan / atau menarik balik RFP, tanpa memberi apa-apa sebab untuk berbuat. Petender hendaklah menghormati pemberian kontrak oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya berdasarkan petikannya. Sekiranya Petender tidak dapat menerima tawaran dalam tempoh 14 hari dari tarikh SST, maka obligasi RFP akan dilucuthakkan. MBSJ telah menyusun hak untuk mengeluarkan SST kepada Petender lain.

(iii) Notis itu bolehlah mengandungi syarat-syarat kontrak sebagai tambahan kepada syarat-syarat yang dilampirkan bersama dokumen ini. Sekiranya ini berlaku tender tidaklah boleh disifatkan sebagai disetujuterima sehingga pengesahan bertulis daripada penender menyatakan bahawa syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai tersebut adalah diterima.

(iv) Apabila disetujuterima, maka satu kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di antara MBSJ dengan penender mengikut syarat-syarat kontrak yang dilampirkan (termasuk syarat-syarat tambahan atau yang apa-apa perjanjian atau syarat lain walau dari apa jenis pun boleh disifatkan sebagai termasuk dalam kontrak ini).

39.0 *PROJECT CHECKPOINT*

(i)Petender mestilah menandakan tarikh untuk pemeriksaan di carta Gantt (Microsoft Project) di bawah ini sebagai sebahagian daripada cadangan mereka. Pemeriksaan ini adalah seperti berikut:

a. *User Requirement Specification Sign-Off*
b. *System Requirement Specification Sign-Off*
c. *Delivery of System*
d. *User Acceptance Test Sign-Off*
e. *Provisional Acceptance Test Sign-Off*
f. *Final Acceptance Test Sign-Off*
g. *Complete Project Sign-Off*

Dokumen Meja Terkawal

(ii) Petender mestilah dengan jelas menyatakan tarikh untuk pemeriksaan di atas dalam carta Gantt sebagai sebahagian daripada cadangan mereka.

(iii) Sekiranya projek itu ditangguhkan disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan petender berjaya, MBSJ berhak mempertimbangkan untuk melanjutkan tempoh penyempurnaan. Keadaan seperti yang tidak diduga termasuk rusuhan, gangguan awam, kebakaran, banjir, mogok dll.

(iv) Petender mesti mengemukakan notis untuk meminta pelanjutan daripada MBSJ dan memberikan alasan untuk permintaan tersebut.

40.0 KELEWATAN DALAM AKTIVITI PEMBANGUNAN APLIKASI

(i) Petender mesti memberikan Jadual Pelaksanaan Projek secara terperinci bagi keseluruhan tempoh pelaksanaan terutamanya fasa pembangunan aplikasi berkaitan.

(ii) Petender yang berjaya perlu memastikan bahawa semua aktiviti pembangunan dan penaiktarafan aplikasi dilakukan mengikut Jadual Pelaksanaan Projek yang terperinci.

(iii) Sekiranya kelewatan di mana Petender tidak dapat mematuhi tarikh akhir yang dinyatakan dalam Jadual Pelaksanaan Projek yang dipersetujui, Petender mesti mengemukakan pelan pembetulan untuk menangani kelewatan tersebut.

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

TOR/NEEDS STATEMENT

Dokumen Meja Terkawal

CADANGAN TAWARAN *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP) BAGI MENCADANG, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI, MENGINTEGRASI, MIGRASI DATA SERTA MENTAULIAH SISTEM PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN.

MBSJ.KUB.400-5/8/202

TERMS OF REFERENCES (TOR)

1.0 UMUM

1.1 Pengenalan

RFP ini ialah bertujuan untuk mempelawa Petender yang berkelayakan untuk kerja-kerja bagi Cadangan Merekabentuk, Membangun, Memasang, Menguji, Mengintegrasi, Migrasi Data Serta Mentauliah Sistem Perakaunan, Kewangan Dan Hasil SAGA Bersepadu Untuk Majlis Bandaraya Subang Jaya Bagi Tempoh Lima (5)

1.2 Tujuan Dokumen

Tujuan dokumen ini adalah bagi menetapkan skop perkhidmatan dan spesifikasi yang diperlukan bagi Cadangan Merekabentuk, Membangun, Memasang, Menguji, Mengintegrasi, Migrasi Data Serta Mentauliah Sistem Perakaunan, Kewangan Dan Hasil SAGA Bersepadu Untuk Majlis Bandaraya Subang Jaya Bagi Tempoh Lima (5) untuk dipenuhi Petender.

2.0 RINGKASAN EKSEKUTIF

2.1 MBSJ telah melaksanakan Sistem Pengurusan Bersepadu yang merangkumi persijilan ISO 9001:2015, ISO/IEC 27001:2022, ISO 37001:2016 dan MS 1900:2014.MBSJ Menyedari hal ini, MBSJ perlu memastikan penyediaan data dan maklumat perlu diperkasa dan diterjemahkan dalam satu persekitaran APLIKASI KEWANGAN YANG BERINTEGRASI bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan lebih telus dan pantas.

2.2 Pembangunan sistem baru perlu dilakukan kerana **sistem sedia ada menggunakan teknologi lama** dan memerlukan pengurusan data pelanggan serta perkhidmatan secara bersepadu.

2.3 Sehubungan dengan itu, inisiatif ini perlu dilaksanakan bagi memperlihatkan kesungguhan MBSJ secara konsisten dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti serta jaminan keselamatan maklumat yang memenuhi kehendak keperluan pelanggan dan keperluan perundangan; dan

3.0 GAMBARAN KESELURUHAN PROJEK

3.1 MBSJ telah menggunakan sistem kewangan dan sistem hasil yang dikenali sebagai Sistem IRMS/IFMS bermula pada tahun 2004 melibatkan kerja pembangunan sistem, pembelian perkakasan, konfigurasi server baru dan Pembelian Lesen Pengoperasian Sistem Sybase 12.00. Berikut adalah senarai sistem yang digunakan iaitu:

Integrated Revenue Management System (IRMS)

1. Cukai & Penilaian
2. Pelesenan
3. Kompaun Trafik
4. Kompaun Pelbagai
5. Sewaan
6. Tempahan (Dewan,kompleks 3C,Padang MBSJ dll))
7. Bil Pelbagai
8. Cagaran
9. Pengurusan Sisa Restoran
10. Bangunan(Pengurusan Permit)
11. Carian Pertanyaan Global
12. Caruman Membantu Kadar
13. Sewaan Petak Khas
14. Kesihatan(Penggredan Makanan)
15. e-MassPro(Pengurusan Online Bayaran Pemaju,Bank,POS dll)
16. Pengurusan Air
17. Pengurusan Task Force/Debt Collector (DCTF)
18. Kutipan online autodebit IRMS

Sistem Pengurusan Perkhidmatan (Integrasi IRMS)

1. ezyMBSJ
2. Ezypay MBSJ
3. iHasil
4. eLESEN
5. Sistem e-Penilaian Semasa
6. Sistem Penilaian Semula
7. Sistem Kiosk
8. Sistem Bazar Ramadhan
9. Sistem eTENDER
10. Sistem iDATA
11. Sistem OSCnet 3 Plus(KPKT)

SISTEM PENGURUSAN KEWANGAN MBSJ

Integrated Financial Management System (IFMS)

1. Akaun Bayaran
2. Belanjawan
3. Buku Tunai
4. Lejar Am
5. Akaun Belum Terima
6. Aset Tetap
7. Gaji
8. Kakitangan
9. Pinjaman
10. Stok Inventori
11. HRPS-Gaji
12. HRPS- Kakitangan
13. HRPS- Pinjaman
14. HRPS- Kuarters
15. Modul SAPI dan SAP

3.2 Semua sistem ini telah dibangunkan dan dinaiktaraf pada **tahun 2013** (**10 tahun**) bagi memastikan kebolehfungsian dan perantaraan kerja seiring keperluan kawalan keselamatan teknologi (peralihan teknologi web) dengan **menaiktaraf lesen SYBASE daripada version 12.0 kepada version 15.7.**

3.3 Pengguna sistem IFMS dan IRMS melibatkan semua kakitangan Majlis bagi pengurusan perkhidmatan pelanggan dan pengurusan pentadbiran dalaman Majlis. Pelbagai kejayaan dan anugerah telah diperolehi melalui sistem IRMS dan IFMS , kini telah berjaya menjadi satu-satunya pihak berkuasa tempatan (PBT) yang melaksanakan zero kaunter .

3.4 Sepanjang tempoh penggunaan sistem dari tahun 2013 hingga **tahun 2024** (**11 tahun**), kerja penambahbaikan dilaksanakan dari masa ke semasa bersesuaian dengan perubahan polisi dan dasar kerja pengurusan Majlis yang mana kini IRMS dan IFMS telah menghasilkan dan menguruskan kutipan Majlis melebihi RM1 bilion.

3.5 Matlamat MBSJ untuk **meningkatkan kepuasan pelanggan dan pihak berkepentingan/sekutu urusan melalui pemakaian sistem pengurusan KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU yang berkesan, termasuk proses penambahbaikan sistem secara atas talian (*online*) dan jaminan MBSJ terhadap keakuran keperluan pelanggan dan keperluan perundangan.**

4.0 OBJEKTIF

4.1 Perolehan ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk melantik pembekal dan penyedia perkhidmatan bagi melaksanakan kerja memasang, membangun, mengkonfigurasi, menguji, migrasi data dan mentauliah sistem perakaunan, kewangan dan hasil serta pelaksanaan Pensijilan Pematuhan SAGA dalam sistem perakaunan Majlis Bandaraya Subang Jaya.

Objektif pelaksanaan :

1. Mewujudkan Sistem Maklumat Analisa Berpaksikan Data.
   Mempertingkatkan sistem maklumat bersepadu PBT dengan perolehan ‘Data Lake’ serta Data Raya yang komprehensif bagi data perakaunan, kewangan dan Hasil secara bersepadu.
2. Membangunkan platform khas penyediaan bagi persiapan perkhidmatan digital yang bersepadu untuk pengurusan pentadbiran Majlis, pengguna awam serta kemudahan **perkhidmatan Majlis yang seragam.**
3. **Penggunaan *Artificial Intelligence* ‘AI’ Di Dalam Perkhidmatan Majlis.**
   Menambahbaik penghayatan dan perkhidmatan kepada rakyat dengan penggunaan teknologi AI, yang berpacukan data serta proses kerja harian yang optima serta mempercepatkan proses membuat keputusan berdasarkan data-data terperinci yang telah dikumpulkan dalam pangkalan data sistem ini.

4. **Keseragaman Dan Pematuhan Piawaian.**
   Membantu penyeragaman dalam prosedur kewangan dan perakaunan dalam memenuhi piawaian seperti SAGA dan MPSAS serta memperkasakan *'Good Governance'*.Memastikan sistem yang digunakan mematuhi piawaian SAGA.
5. **Mengelakkan berlaku ketirisan maklumat** berdasarkan aplikasi-aplikasi yang telah diintegrasikan.

5.0 SKOP KERJA

5.1 Bagi membangunkan Sistem Perakaunan, Kewangan Dan Hasil SAGA Bersepadu MBSJ ini, skop kajian adalah seperti berikut:

5.1.1 Melaksanakan pengurusan projek yang merangkumi:

a) Penubuhan pasukan projek
b) Kajian keperluan
c) Rekabentuk dan pembangunan sistem
d) Pemasangan dan Instalasi perkakasan server
e) Migrasi dan pembersihan data
f) Pengujian (perisian dan perkakasan)
g) Latihan pengguna dan pemindahan teknologi
h) Dokumentasi
i) Pemantauan jadual pelaksanaan

5.1.2 Dalam tempoh pembangunan projek, Petender yang terpilih WAJIB menyediakan segala dokumentasi seperti yang disyaratkan oleh pihak MBSJ dalam bentuk *softcopy* dan *hardcopy*. Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

a) User Requirement Study (URS)
b) System Requirement Specifications (SRS)
c) System Database Design (SDD)
d) Laporan Ujian Penerimaan Pengguna
e) Manual Pengguna
f) Manual Teknikal
g) Manual Pentadbir Sistem
h) Data Dictionary
i) Kod Sumber
j) Lain-lain keperluan semasa.

5.1.3 Mengenalpasti skop projek dan menentukan strategi pelaksanaan yang merangkumi:

a) Pembangunan sistem yang lengkap
b) Tempoh pembangunan serta tempoh penyelenggaraan dan sokongan.
c) Perolehan, pemasangan, konfigurasi dan pengujian perkakasan dan perisian

5.2 Bagi tujuan pembangunan projek ini, teknologi yang dicadangkan adalah menggunakan kod sumber terbuka seperti PHP dan MySQL. Namun begitu pihak syarikat juga boleh mencadangkan alternatif selain daripada aplikasi pemprograman yang dicadangkan. **Sila nyatakan pengalaman Petender dalam pembangunan berasaskan teknologi yang dicadangkan (berdasarkan sebarang *framework* yang berkaitan).**

5.3 Petender perlu mengkaji, mengenalpasti dan mencadangkan keperluan sistem yang sesuai dengan perkara-perkara berikut:

a) Keperluan jabatan-jabatan serta SOP (*standard of procedure)* di MBSJ
b) Keperluan dari segi rangkaian, infrastruktur dan keselamatan.
c) Akta-akta serta Polisi Keselamatan Siber MBSJ dan lain-lain peraturan berkaitan.

5.4 Petender perlu membantu pihak Majlis sehingga berjaya memperolehi Persijilan SAGA daripada pihak Jabatan Akauntan Malaysia.

5.5 Cadangan SISTEM/MODUL merangkumi tetapi **TIDAK TERHAD** kepada:

a) SISTEM PERAKAUNAN DAN KEWANGAN

1. Modul Lejar Subsidiari Akaun Belum Terima (GL Post)
2. Pengurusan Belanjawan/Bajet
3. Perolehan (Pembelian terus, Tender Jabatan, Kerja Undi)
4. Pengurusan Bayaran dan Akaun Belum Bayar
5. Pengurusan Cagaran/Deposit/Bon/Wang Jaminan Pelaksanaan
6. Pengurusan Pinjaman Pendahuluan
7. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah
8. Lejer Aset dan Susutnilai
9. Pengurusan Simpanan Tetap
10. Pengurusan Wang Panjar
11. Lejar Am dan Penutupan Akaun

b) SISTEM PENGURUSAN HASIL

1.Modul Cukai Taksiran

2. Sewaan Perkhidmatan

3. Sewaan Premis/Utiliti

4. BilPelbagai

5. Modul Kutipan Autodebit (semua perkhidmatan)

- Pemaju
- Agensi Kewangan Malaysia
- Pihak Berkuasa Tempatan atau Agensi Berkaitan Lantikan MBSJ

6. Sistem Kutipan Kaunter (Khas)

7. Modul Buku Tunai

8. Modul Kompaun Pelbagai

9. Modul Kompaun Trafik

c) INTEGRASI SISTEM DAN DATA (API) (TIDAK TERHAD- tertakluk kepada keperluan penyediaan data perakaunan MBSJ)

1. Sistem Penilaian Semasa Cukai Taksiran (API)
2. Sistem Penilaian Semula Cukai Taksiran (API)
3. Sistem eTENDER (API)
4. Sistem ELESEN (API)
5. Sistem ezyMBSJ (API)
6. Aplikasi ezyPAY MBSJ (API)
7. Portal Pelanggan /perkhidmatan online (API)
8. Sistem Pengurusan Aset (SPA)
9. Sistem Pengurusan Stor (SPS)
10. Sistem iDATA
11. Sistem Kiosk MBSJ
12. Sistem Agensi Pihak Ketiga Yang Ditetapkan MBSJ

d) PERKHIDMATAN BERSEPADU

1. Pengurusan Modul Pengguna / Pentadbir
2. Pengurusan Pelanggan Dan Pembekal
3. Sistem Pengurusan Dokumen / Fail
4. Sistem Analisa Dan Pantauan / Dashboard Pengurusan

e) PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRPS)

1. Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia
2. Pengurusan Gaji dan Elaun (HR)
3. Sistem Kakitangan (ECUTI,ELATIHAN, STAR RATING dan INTEGRITI)- API

f) SISTEM LAIN BERSEPADU KEWANGAN (NYATAKAN)

1. Tambahbaik Sistem eTENDER

Perincian keseluruhan sistem DI LAMPIRAN T2 (1)

Dokumen Meja Terkawal

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

SPESIFIKASI TEKNIKAL

CADANGAN TAWARAN *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP) BAGI MENCADANG, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI, MENGINTEGRASI, MIGRASI DATA SERTA MENTAULIAH SISTEM PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN.

MBSJ.KUB.400-5/8/202

SPESIFIKASI TEKNIKAL

SEMAKAN DOKUMEN TEKNIKAL

BIL	BUTIRAN	MUKA SURAT
1.0	SENARAI SEMAK DOKUMEN TEKNIKAL	LAMPIRAN T1
2.0	CADANGAN PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL DAN SKOP PEMBANGUNAN SISTEM PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU	LAMPIRAN T2
3.0	KOMPONEN DALAM MODUL SISTEM PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU	LAMPIRAN T3
4.0	PASUKAN PROJEK	LAMPIRAN T4
6.0	JADUAL PELAKSANAAN KERJA	LAMPIRAN T5
7.0	LAPORAN CADANGAN PELAKSANAAN PERISIAN, PERKAKASAN, RANGKAIAN DAN LAIN-LAIN BERKAITAN JAMINAN FUNGSIAN PENGOPERASIAN TERBAIK	LAMPIRAN T6
8.0	SKOP KERJA JAMINAN PENYENGGARAAN	LAMPIRAN T7
9.0	TERMA & JADUAL PEMBAYARAN	
10.0	PERJANJIAN	
11.0	KADAR DENDA	

ARAHAN

Petender harga adalah DILARANG sama sekali meletakkan tanda pengenalan syarikat atau apa jua maklumat berkaitan seperti cop syarikat, nama kakitangan syarikat atau tanda tangan pada mana-mana bahagian di dalam Jilid 2 ini.

Kegagalan petender untuk mengikuti arahan sedemikian boleh menyebabkan penyertaan tender ini TERBATAL.

Dokumen Meja Terkawal

LAMPIRAN T1

SENARAI SEMAK DOKUMEN TEKNIKAL

Arahan kepada Penender:

1. **Sila tandakan bagi dokumen-dokumen yang disediakan.**

2. **Pastikan senarai semak ini diisi dengan lengkap dan dikepilkan di dalam dokumen cadangan teknikal.**

3. **Semua borang dan jadual hendaklah ditandatangani pada setiap muka surat.**

4. **Di mana penender mungkin memerlukan lebih banyak ruang bagi cadangannya, penender boleh membuat salinan borang dan jadual yang berkaitan tetapi format, kandungan dan bentuk borang hendaklah sama. Pindaan berupa pengurangan kepada kandungan lampiran adalah tidak dibenarkan dan akan menyebabkan tawaran akan DITOLAK. Walau bagaimanapun, penender adalah dibenarkan membuat tambahan kepada kandungan lampiran.**

LAMPIRAN T1

CADANGAN TAWARAN *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP) BAGI MENCADANG, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI, MENGINTEGRASI, MIGRASI DATA SERTA MENTAULIAH SISTEM PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN.

MBSJ.KUB.400-5/8/202

Sila tandakan **/** bagi dokumen-dokumen yang disertakan

Bil	Perkara / Dokumen		Untuk Ditanda oleh Syarikat	Untuk Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Tender
	CADANGAN TEKNIKAL (WAJIB)			
1	Lampiran T1	Senarai Semak Cadangan Teknikal		
2	Lampiran T2	Pematuhan Spesifikasi Teknikal Dan Skop Pembangunan Sistem Bagi Sistem Perakaunan, Kewangan Dan Hasil Saga Bersepadu MBSJ		
3	Lampiran T3	Komponen Dalam Modul Sistem Perakaunan, Kewangan Dan Hasil SAGA Bersepadu		
4	Lampiran T4	Pasukan Projek		
5	Lampiran T5	Jadual Pelaksanaan, Terma Pembayaran, Dokumen perjanjian dan Kadar Denda		
6	Lampiran T6	Cadangan Perkakasan/Perisian /Rangkaian Jaminan Pengoperasian Sistem Berfungsi Dengan Baik (Tidak Termasuk Dalam Harga Tender)		
7	Lampiran T7	Skop Kerja Jaminan Penyenggaraan		
	UNTUK PENGESAHAN SYARIKAT		**UNTUK KEGUNAAN JABATAN**	
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen tender. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.			Jawatankuasa Penilaian Teknikal mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil ……. (jika ada).	
Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:			Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:	

Dokumen Meja Terkawal

LAMPIRAN T2

PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL DAN SKOP PEMBANGUNAN BAGI SISTEM PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU UNTUK MBSJ BAGI TEMPOH LIMA(5) TAHUN

1.0 PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

1. Sistem perlu berasaskan web.
2. Perisian Pangkalan Data hendaklah menggunakan MySQL versi terkini.
3. Bahasa aturcara digalakkan menggunakan PHP atau mana-mana Framework (yang ditentukan oleh vendor).
4. Menggunakan *engine* cetakan yang flexible bagi membolehkan pengguna membuat format cetakan sendiri. (sila nyatakan perisian yang digunakan)
5. Mempunyai fungsi carian yang komprehensif dan mudah dimanipulasi.
6. Sistem boleh dihubungkan dengan sistem yang sedia ada serta perancangan akan datang (TIDAK TERHAD- tertakluk kepada keperluan data perakaunan MBSJ) seperti:
    - Sistem eLESEN version 2
    - Sistem eBANGUNAN
    - Sistem Pembayaran FPX, PBTpay, Jompay, Direct Debit, QR Pay, e-Wallet serta lain-lain lagi.
    - Aplikasi Selangor
    - Aplikasi I-Sekat
7. Sistem perlu merekod jejak audit (audit aktiviti, aktiviti log sistem dan aktiviti log server) bagi semua transaksi yang berlaku di setiap modul.
8. Petender perlu mencadangkan Sistem yang berkonsepkan teknologi pintar sebagai contoh dengan mengaplikasikan konsep semakan menggunakan pelan perancangan strategik MBSJ, RFID, *alert system* serta mampu menjana notifikasi secara auto untuk mengurangkan berlakunya kesilapan kemasukkan dan semakan data.

2.0 SKOP SISTEM PIAWAIAN SAGA

2.1. KRITERIA SAGA - FUNGSIAN

a) Sistem hendaklah telah dimodifikasi dari tunai boleh ubah kepada konsep perakaunan akruan dan mengikut Malaysia Public Standard Accounting Standard (MPSAS).

b) Kod Carta Akaun adalah fleksibel. Tetapan Kod Objek Am, Kod Objek Sebagai Kod Objek Kumpulan Lanjut dan Kod Objek Lanjut telah diselenggara mengikut kod SAGA.

c) Lejer transaksi kewangan dan penyata berkaitan boleh dijana pada bila-bila masa untuk melihat kedudukan terkini.

d) Semua transaksi ke Lejer Am, selain dari Jernal Manual adalah berintegrasi atau single-point-of-entry dari modul-modul di dalam.

e) Pentadbir sistem boleh menambah, mengurangkan atau mengawal akses kepada mana-mana modul pada bila-bila masa secara fleksibel dan modular.

f) Proses aliran kerja adalah dalam talian (akses web) dan boleh dilaksanakan oleh pegawai dari proses daftar, semakan, pengesahan sehingga kelulusan.

g) Pembayaran dan terimaan boleh dilaksanakan secara elektronik.

- Pembayaran – EFT / Cek / TT (Surat Arahan Pindahan)/Direct Bank(API Agensi Kewangan yang ditetapkan MBSJ)
- Penerimaan – Melalui API (real time) / textfile (JOMPay, EFT, dll)

h) Aplikasi perakaunan boleh membuat penyesuaian bank melalui penyata bank yang dimuat naik, secara manual atau dari kaedah 'host to host'. Sistem memadankan transaksi secara automatik dan menjana penyata.

i) Penyata Kewangan boleh dicetak pada bila-bila masa berdasarkan Lejer Am terkini.

j) Data boleh diekstrak dari pangkalan data melalui beberapa kaedah yang disediakan:
- *Stored Procedure database*
- *Log sistem*

2.2. KRITERIA SAGA – TEKNIKAL

a) Sistem membenarkan maklumat pekerja, polisi profil dan had penggunaan diselenggara oleh pentadbir sistem.

b) Jejak audit disediakan bagi merekod aktiviti terperinci pengguna mengikut modul dan sistem secara keseluruhan.

c) Proses encryption dan decryption disediakan dalam kaedah berikut bagi beberapa transaksi, mengikut keperluan MBSJ :
- GPG, PGP, AES, RSA for textfile

2.3. AKSES PENGGUNA

1. Boleh memasukkan(add), mengemaskini(update) dan menghapus(delete) bagi setiap modul penyediaan data.
2. Pengguna sistem adalah dirujuk kepada privileage user dan user control level yang akan ditetapkan
3. Menu bagi setiap pengguna bergantung kepada privileage dan use control level. Ini bermakna pengguna tertentu hanya boleh melihat menu yang di benarkan sahaja.
4. Setiap proses kemasukan data, pengemaskinian, cetakan laporan, paparan pertanyaan dan carian adalah berdasarkan kepada privileage user yang akan ditetapkan.
5. Mempunyai level pengguna yang terdiri dari Penyedia, Penyemak atau Pelulus bagi sistem berasaskan Workflow.
6. Setiap transaksi oleh pengguna harus mempunyai history log bagi tujuan keselamatan data dan security.
7. Menggunakan hash password encryption dalam penyediaan password kepada pengguna.
8. Logout Session bagi setiap pengguna boleh dilaras mengikut kesesuaian.

2.4. SANDARAN (BACKUP)

1. Sistem hendaklah dibuat backup secara offline dan online dan perlu dipastikan data backup boleh berfungsi sekira berlaku ganguan/kegagalan kepada sistem sedia.
2. Setiap data yang dihapus boleh disimpan sebagai data arkib bagi semakan dan direkodkan dalam audit trail.
3. Petender boleh mengemukakan apa-apa cadangan yang dirasakan perlu dari segi keperluan perkakasan dan perisisan yang akan digunakan.

3.0 PENDEKATAN DAN METODOLOGI

Petender yang berjaya perlu melaksanakan kerja dan tugas yang diperlukan seperti berikut:-

1. Petender yang terpilih, perlu memberikan satu taklimat/demonstrasi berkaitan cadangan tawaran pembangunan Sistem Perakaunan, Kewangan dan Hasil SAGA Bersepadu MBSJ ini berserta dengan prototaip sistem **dalam tempoh satu (1) minggu** dari tarikh surat makluman daripada MBSJ.
2. MBSJ berhak menerima atau menolak sebarang permohonan lanjutan tempoh untuk kerja–kerja menyiapkan aktiviti – aktiviti yang berkaitan dengan pelaksanaan pembangunan sistem yang dicadangkan.
3. MBSJ akan mengadakan **lawatan kerja ke agensi/Pihak Berkuasa Tempatan** bagi syarikat yang terpilih sebagai pembuktian kerja cadangan penyelesaian, kekuatan sokongan selenggara sistem dan '*value added'* pemarkahan penilaian petunjuk prestasi kerja syarikat di agensi berkaitan diketuai oleh Jabatan Perbendaharaan.
4. Kerja-kerja migrasi dan pembersihan data dari sistem sedia ada ke pangkalan data baru hendaklah disiapkan dalam tempoh **yang ditetapkan dalam jadual kerja**.
5. Memindah pengetahuan dan teknologi (*The transfer of knowledge and technology*) kepada pegawai MBSJ bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan yang secukupnya supaya sistem dapat diselenggara dengan baik apabila tempoh kontrak Petender tamat.
6. Membekal '*tool'* untuk *Business Intelligence* bagi digunakan di dalam bahagian laporan sistem.
7. Latihan kepada pentadbir sistem dan pengguna di setiap lokasi hendaklah dilaksanakan dengan topik yang sesuai dan tempoh masa yang memadai. Menyediakan dokumen kursus / manual pengguna yang mencukupi bagi pengguna di MBSJ secara *softcopy, hardcopy* dan dijilid.
8. **Petender perlu menyediakan tempat latihan, peralatan, makan dan minum sepanjang tempoh latihan dengan kos ditanggung oleh Petender**. Tempat latihan boleh disediakan di mana-mana lokasi. (sila nyatakan dengan jelas)
9. Menempatkan (berpusat di MBSJ) sekurang-kurangnya **dua (2) orang** kakitangan berpengetahuan dan mahir untuk membantu memastikan Sistem Perakaunan, Kewangan dan Hasil SAGA bersepadu berjaya berfungsi dengan stabil selama **tempoh jaminan penyelenggaraan** di MBSJ.

10. Melaksanakan segala kerja-kerja lain yang diperlukan bagi memastikan Sistem Perakaunan, Kewangan Dan Hasil SAGA Bersepadu untuk MBSJ berfungsi dengan baik dan memuaskan.
11. Membangunkan *Application Programming Interface* (API) bagi pengintegrasian dengan sistem yang berkaitan.
12. Melaksanakan data migrasi dan kerja pembersihan data.
13. Menguji sistem yang telah siap dibangunkan dan mengadakan ujian penerimaan pengguna mengikut prosedur.
14. Mentauliah dan memastikan sistem sentiasa beroperasi dengan baik dan dapat dicapai setiap masa.
15. Memastikan sistem diselenggara dengan baik sepanjang tempoh jaminan.
16. Sebarang ralat yang berlaku dalam tempoh jaminan perlu dibaiki tanpa kos tambahan.
17. Hendaklah menyediakan khidmat sokongan teknikal berterusan sekiranya berlaku apa-apa kegagalan terhadap sistem.

4.0 Deliverables dan Jadual / Jangkaan Output

Jadual kerja dan sasaran penyiapan adalah seperti dilampiran 1B. Sebarang pindaan/cadangan jadual kerja terkini perlu pengesahan daripada MBSJ.

5.0 Struktur Tadbir Urus dan Akauntabiliti

1. Pembangunan sistem ini akan dipantau dan dikawal selia oleh pasukan projek MBSJ melibatkan pegawai Jabatan Teknologi Maklumat, Jabatan Perbendaharaan dan Jabatan Hasil MBSJ.
2. Pihak syarikat perlu mengemukakan laporan kemajuan penyiapan sistem setiap bulan kepada wakil Majlis.
3. Mesyuarat atau perbincangan bagi membincangkan laporan kemajuan dan masalah yang dihadapi dalam membangunkan sistem ini akan dilaksanakan mengikut keperluan.

6.0 Tempoh Kerja

Tempoh kerja pembangunan dan penyelenggaraan adalah seperti berikut:

Pembangunan sistem	: 2 tahun
Penyelenggaraan dan naik taraf	: 3 tahun
Jumlah Tempoh	**: 5 tahun**

7.0 Lokasi Kerja

7.1 Pihak syarikat perlu melaksanakan kerja pembangunan sistem di MBSJ sahaja. Pembangunan di luar MBSJ hanya dengan kebenaran Majlis dan syarikat perlu mematuhi Polisi Keselamatan Siber MBSJ.

7.2 Menempatkan (berpusat di MBSJ) sekurang-kurangnya **dua (2) orang** kakitangan berpengetahuan dan mahir untuk membantu memastikan Sistem Perakaunan, Kewangan dan Hasil SAGA bersepadu berjaya berfungsi dengan stabil selama **tempoh jaminan penyelenggaraan** di MBSJ.

7.3 Menempatkan kakitangan syarikat di MBSJ untuk tempoh tertentu bagi **tempoh kajian awal keperluan dan semasa sistem Go-Live. Syarikat perlu memantau data sekurangnya tempoh satu(1) bulan bagi setiap sistem Go-Live serta mengawalselia penggunaan sistem berfungsi dengan baik.**

8.0 Kelayakan Professional Syarikat yang berjaya

8.1 Syarikat mempunyai pengalaman yang luas dalam pembangunan sistem perakaunan dan sistem yang dibangunkan telah diiktiraf SAGA oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

8.2 Syarikat mempunyai pengalaman dalam membangunkan sistem perakaunan di Agensi MBSJ dan Pihak Berkuasa Tempatan dan sistem tersebut telah memperolehi pengiktirafan SAGA oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

8.3 Syarikat terdiri daripada kakitangan yang mempunyai kelulusan dalam bidang perakaunan dan membantu sepenuhnya dalam pembangunan sistem perakaunan.

9.0 JADUAL 1: *BUSINESS FUNCTIONAL REQUIREMENT*

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)	CADANGAN OLEH PETENDER
1	**KAJIAN KEPERLUAN SISTEM**		
1.1	Petender dikehendaki menjalankan kajian keperluan spesifikasi ke atas sistem sedia (nyatakan nama sistem sedia ada) dan mengenalpasti keperluan baharu yang diperlukan bagi membangunkan sistem bersama pengguna dan pentadbir sistem mengikut spesifikasi yang dinyatakan di dalam dokumen ini merangkumi perkara berikut : i. Rekabentuk Sistem ii. Aliran Proses Kerja & Fungsi Sistem Hasil Kajian Keperluan Sistem perlu didokumentasikan melalui : i. Spesifikasi Keperluan Pengguna (URS) ii. Spesifikasi Keperluan Sistem (SRS)		
1.2	Petender dikehendaki mengenalpasti aliran dan proses kerja yang lengkap dan fungsi sistem (cth:*use case diagram*) dengan penerangan yang terperinci berkaitan sistem yang akan dibangunkan dan didokumentasikan.		
1.3	Petender dikehendaki menyediakan gambarajah lengkap aliran sistem (ERD dan DFD) dan keseluruhan struktur pangkalan data (table, field dan relation) dan sistem arkitektur.		
1.4	Petender dikehendaki menyatakan cadangan Methodologi pembangunan sistem yang akan digunakan dalam projek berkaitan		
1.5	Sistem berupaya untuk mewujudkan kumpulan pengguna (*user group*) mengikut peranan masing-masing dan mudah dikendalikan.		
1.6	***Data History*** Sistem hendaklah berupaya untuk menyimpan maklumat lama/arkib (*history/archive*) di peringkat pengguna dan pentadbir sistem.		
1.7	***Log Audit*** Sistem hendaklah berupaya untuk menyimpan semua log audit terperinci dari segi akses, perubahan data dan lain- lain		
1.8	**SSL Certificate** Sistem mestilah dipasang dengan SSL Certificate yang disediakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat		
1.9	***Code Hardening*** Petender dikehendaki untuk memastikan kod aturcara yang dibangunkan menepati ciri-ciri keselamatan yang perlu ada di dalam sistem. Sila nyatakan pelaksanaan code hardening yang dicadangkan		

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)	CADANGAN OLEH PETENDER
	MIGRASI DATA		
1	(i) Petender dikehendaki untuk melaksanakan kerja-kerja migrasi data sistem IRMS dan IFMS dan sistem yg bagi rekod. Rekod yang perlu dimigrate adalah:		
2	ii) Petender hendaklah memastikan pembersihan data dilaksanakan, diuji dan disahkan oleh pihak pengguna serta menyediakan dokumentasi untuk pengesahan pengguna.		
	FUNGSI MASQUERADE - BERALIH KE PENGGUNA LAIN		
1	Fungsi ini membenarkan pentadbir sistem menukar sementara ke akaun pengguna lain khususnya pemohon di mana ianya membolehkan pentadbir sistem untuk mengenalpasti situasi pengguna sekiranya terdapat kekeliruan di pihak pengguna khususnya dalam membuat permohonan. Fungsi ini masih menyimpan rekod akaun pentadbir sistem yang asal di mana dapat kembali semula ke akaun sebelumnya dengan mudah. Namun, kawalan juga perlu dilakukan seperti log audit bagi setiap perubahan yang berlaku.		
	INFRASTRUKTUR PENYELESAIAN YANG DICADANGKAN		
1	**Keperluan Umum** Semua perisian yang dicadangkan hendaklah serasi (*compatible)* dan diperakui/diiktiraf beroperasi lancar dengan perkakasan dan sistem **(rujukan di Jilid 2/2)**		
2	Senaraikan pembangunan *technology stack* untuk sistem		
3	Petender perlu mencadangkan *system architecture* lengkap termasuk hubungan pengintegrasian yang dicadangkan		
4	Jelaskan pendekatan anda untuk memindahkan data sedia ada yang berkaitan dengan projek ini.		
5	Jelaskan pendekatan anda untuk integrasi *cross- platform* bagi kegunaan pihak ketiga. Bolehkah sistem lain mendapatkan data pembayaran atau maklumat yang ditetapkan MBSJ secara *realtime*		
	***PLATFORM TEKNIKAL* /SISTEM KONFIGURASI**		
1	***Enterprise Server* - Keperluan Hardware**		
	Petender perlu nyatakan spesifikasi server yang diperlukan.		
	a) Processor		
	b) Memori		
	c) Disk Storage		
	d) Network protocol		
2	**SISTEM PENGOPERASIAN**		
	Nama Produk (Sila Nyatakan)		

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)	CADANGAN OLEH PETENDER
	Versi (Sila Nyatakan)		
	Lesen Pengguna *(Unlimited user license)*		
	Sistem pengoperasian yang dicadangkan perlulah diiktiraf oleh *application/ web server* yang digunakan.		
3	**PANGKALAN DATA (DATABASE)**		
	Nama Produk (Sila Nyatakan)		
	Versi (Sila Nyatakan)		
	Merupakan pangkalan data hubungan – *Relational Database Management System (RDBMS).*		
	Boleh menyokong capaian serentak oleh ramai pengguna.		
4	**WEB SERVER SOFTWARE**		
	Nama Produk (Sila Nyatakan)		
	Versi (Sila Nyatakan)		
	Tahun Dikeluarkan (Sila Nyatakan)		
	User license (Sila Nyatakan)		
	Senaraikan dengan jelas fungsi dan ciri-ciri perisian *web server* (*web server software*) yang dicadangkan.		
5	**APPLICATION SERVER SOFTWARE**		
	Nama Produk (Sila Nyatakan)		
	Versi Terkini (Sila Nyatakan)		
	Tahun Dikeluarkan (Sila Nyatakan)		
	User license (Sila Nyatakan)		
	Senaraikan dengan jelas fungsi dan ciri-ciri perisian *application server software* yang dicadangkan.		
6	**Lain-lain perisian**		
	System Utility Software		
	Backup Utility Software		
	System Management Utility Software		
	KEPERLUAN TAHAP PERKHIDMATAN		
1	Untuk memastikan bahawa teknologi dan komunikasi yang dicadangkan telah dikonfigurasikan dengan baik untuk memberikan perkhidmatan pelanggan yang cepat & cekap, Petender dikehendaki mengambil kira *Service Level Objectives.* Berikut adalah *Service Level Requirements* (SL) yang harus dipatuhi: • *System uptime* 99.95% *Online page viewing response* dalam tempoh 5 hingga 30 saat		


BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)	CADANGAN OLEH PETENDER
	PENYEDIAAN SITE, DELIVERY DAN INSTALLATION		
1	Terangkan secara ringkas penyediaan *site* dan tugas- tugas installation		
2	Petender hendaklah melaksanakan pemasangan sistem ke atas server disediakan dan dihostkan di Pusat Data Bahagian Pengurusan Maklumat, Tingkat 2,		
3	***System Hardening*** Petender adalah dikehendaki untuk mencadangkan server hardening termasuk OS dan database hardening.		
	PENGURUSAN PROJEK		
1	**Struktur Organisasi Projek** Petender perlu mencadangkan pasukan projek mereka sendiri serta mengenalpasti, melantik dan mengesahkan keahlian pasukan yang dicadangkan supaya dapat bekerja dengan pasukan pelaksanaan projek MBSJ.		
	a. Sila beri maklumat berkenaan dengan Struktur Organisasi Pasukan Projek		
	b. Sila kemukakan Senarai Ahli Pasukan Projek		
	c. Sila nyatakan maklumat terperinci bagi setiap ahli pasukan projek dan Persijilan Profesional Ahli Pasukan Projek (Jika Ada)		
	d. Menempatkan kakitangan syarikat di MBSJ untuk tempoh tertentu bagi tempoh kajian awal keperluan dan semasa sistem Go-Live.		
2	**Jadual Pelaksanaan Projek** Petender hendaklah menyediakan Jadual Pelaksanaan Projek (*Gantt Chart)*.		
3	**Tempoh Jangka Siap SIstem** Petender hendaklah menepati tempoh penyempurnaan dan jangka siap sistem ini iaitu tidak melebihi dua (2) tahun dan melaksanakan selenggara sistem tiga(3) tahun.		
	Harta Intelektual		
1	Semua sistem/peralatan/perisian/perkhidmatan yang dilaksanakan akan menjadi HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA		
	Laporan Kemajuan Projek Petender hendaklah menyediakan Laporan Kemajuan Projek sebulan sekali sehingga penyerahan projek. Petender hendaklah menyediakan Laporan Akhir Pelaksanaan Projek setelah pelaksanaan projek selesai sepenuhnya.		

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)	CADANGAN OLEH PETENDER
	PENGUJIAN SISTEM		
1	Petender hendaklah melaksanakan pengujian keseluruhan fungsi di dalam sistem bagi memastikan ia mengikut aliran kerja sebenar.		
2	Petender hendaklah melaksanakan *User Acceptance Test, Provisional Acceptance Test* dan *Final Acceptance Test* bersama-sama pengguna dan pentadbir sistem bagi mengenal pasti sebarang masalah ke atas sistem.		
3	Petender hendaklah melaksanakan *Performance Tes*t bagi menguji tahap ketahanan dan kesediaan sistem serta pengendalian ralat di bawah bebanan tinggi.		
4	Petender mestilah memastikan bahawa semua aktiviti *Performance Test* (*Load Test* dan *Stress Test*) TIDAK MENGANGGU operasi MBSJ.		
5	Petender hendaklah melaksanakan pembetulan dan pembaikan terhadap semua ralat yang dikesan semasa pengujian-pengujian di atas.		
	LATIHAN/PINDAHAN TEKNOLOGI SISTEM		
	Petender hendaklah memberikan latihan yang komprehensif kepada pengguna yang menggunapakai sistem.		
1	Petender hendaklah menyediakan latihan teknikal (*Transfer of Technology) kepada* pentadbir sistem dalam menguruskan isu-isu teknikal sistem dan konfigurasi sistem/server yang berkaitan. Petender hendaklah menyenarai kesemua fail dan modul yang terdapat di dalam sistem dan server untuk tujuan ToT tersebut.		
	DOKUMENTASI DNA MANUAL		
1	Petender hendaklah menyediakan satu salinan manual penggunaan secara *hardcopy* dan *softcopy* kepada semua pengguna dan pentadbir sistem.		
2	Petender hendaklah menyediakan dokumentasi lengkap bagi projek ini. Antaranya: a) User Requirement Spesification (URS) b) System Requirement Spesification (SRS) *c) Entity Relational Diagram* d) Teknikal Dokumen e) Dokumen penyerahan		
	JAMINAN KUALITI DAN TEMPOH JAMINAN		
1	Petender perlu memastikan bahawa semua *deliverables* adalah tepat, betul dan berkualiti.		
2	Petender perlu memberi tempoh jaminan kandungan perisian/sistem yang dibangunkan **DALAM TEMPOH SELENGGARA DITETAPKAN MBSJ** dari tempoh tarikh penyerahan sistem.		

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI	PEMATUHAN (Y/T)	CADANGAN OLEH PETENDER
3	Penyebut Harga **WAJIB** memberi khidmat baik pulih ke atas sebarang ralat, kesilapan atau kecacatan, pada bila-bila masa, terhadap kandungan multimedia yang dibangunkan dan mempakejkan semula mengikut piawaian yang ditetapkan oleh MBSJ, tanpa sebarang kos tambahan kepada MBSJ dalam tempoh jaminan tersebut.		
	KESELAMATAN DAN KAWALAN DATA		
1	Petender perlu bertanggungjawab ke atas kerahsiaan, keselamatan dan kerosakan dan/atau kehilangan atas mana-mana dokumen, fail dan maklumat yang berkaitan yang telah dibekalkan oleh Kerajaan.		
2	Petender bersetuju tidak akan menyalurkan sebarang maklumat yang dibekalkan oleh MBSJ kepada pihak lain melainkan telah mendapat persetujuan bertulis daripada MBSJ.		
3	Petender bersetuju untuk mematuhi dan tertakluk kepada semua peraturan premis MBSJ.		

Dokumen Meja Terkawal

LAMPIRAN T2 (1) :
GAMBARAN KESELURUHAN SISTEM PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU MBSJ



Dokumen Meja Terkawal

LAMPIRAN T3

KOMPONEN DALAM MODUL SISTEM PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU UNTUK MBSJ (TIDAK TERHAD)

SKOP KOMPONEN DAN MODUL SISTEM PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU UNTUK MBSJ

Berikut adalah senarai fungsi dan skop perlu ada di dalam setiap modul. **Fungsi adalah TIDAK TERHAD kepada yang tersenarai dan bergantung semasa proses KAJIAN KEPERLUAN PENGGUNA YANG DILAKSANAKAN.**

BIL	MODUL	CADANGAN PETENDER
SISTEM PERAKAUNAN DAN KEWANGAN		
1	Modul Lejar Subsidiari Akaun Belum Terima (GLPost)	
	Tetapan Jenis Bil Dan Kod Mengikut Modul	
	Konfigurasi Jadual Batching / Posting	
	Aktiviti posting lejar bil / bayaran / pelarasan ke Lejar Am automatik	
	Semakan Log Dan Aktiviti	
	Pertanyaan Am Dan Penyata Transaksi Akaun	
	Submodul Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan	
Pengurusan PERBELANJAAN		
2.	Pengurusan Belanjawan / Bajet	
	Proses Kemasukan Anggaran Belanjawan Hasil dan Belanja oleh Jabatan	
	Kemasukan Permohonan Dasar Baru dan One Off	
	Kemasukan Justifikasi Anggaran Belanjawan Hasil dan Belanja	
	Kemaskini Anggaran Belanjawan yang telah Diluluskan	
	Pemantauan Buku Bajet Jabatan dan Majlis	
	Proses Kemasukan Dan Pengurusan Threshold	
	Proses Pindah Peruntukan	
	Proses Penambahan Peruntukan	
	Proses Penyediaan Waran	
	Pertanyaan Am Dan Penyata Transaksi Akaun	
	Submodul Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan	
3.	Perolehan (Pembelian terus, Sebutharga Jabatan, Kerja Undi)	
	Tetapan Jabatan Pelaksana	
	Semak VOT dan Baki Peruntukan	
	Permohonan Pesanan Pembelian dan Kajian Pasaran	

BIL	MODUL	CADANGAN PETENDER
	Pengemaskinian Maklumat Pesanan Pembelian	
	Pengeluaran dan Tanggungan LO, Inden dan Kontrak	
	Rekod Bagi Kemajuan dan Prestasi LO, Inden dan Kontrak Sebelum Bayaran	
	Proses Pelarasan Debit / Kredit	
	Pertanyaan Am Dan Penyata Transaksi Akaun	
	Submodul Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan	
4.	Pengurusan Bayaran & Akaun Belum Bayar	
	Proses Pendaftaran Bil Dan Invois	
	Proses Bayaran Pelbagai	
	Proses Pengeluaran Baucer	
	Pengurusan EFT dan Cek	
	Pengurusan Hebahan Bayaran (Emel / SMS)	
	Semakan Jadual Bayaran	
	Pertanyaan Am Dan Penyata Transaksi Akaun	
	Submodul Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan	
5.	Pengurusan Cagaran / Deposit / Bon / Wang Jaminan Pelaksanaan	
	Tetapan Jenis Deposit Dan Akaun	
	Proses Pendaftaran Bil Deposit berintegrasi Ke Bil Pelbagai	
	Proses Pemantauan Dan Semakan Baki Deposit	
	Proses Pemulangan Dan Perakuan Deposit	
	Submodul Jernal Pelarasan	
	Pemprosesan Notis Peringatan	
	Pemprosesan Warta	
	Pemprosesan Kontra Deposit	
	Pertanyaan Am Dan Penyata Transaksi	
	Submodul Pertanyaan, Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan	
6.	Pengurusan Pinjaman / Pendahuluan	
	Tetapan Jenis Penghutang Dan Pemiutang	
	Tetapan Kadar Dan Maklumat Ansuran Penghutang	
	Proses Pengrekodan Aset (Penghutang Komputer / Kenderaan / Rumah)	

BIL	MODUL	CADANGAN PETENDER
	Proses Pengrekodan Liabiliti (Pemiutang Pinjaman / Wang Pendahuluan)	
	Submodul Jernal Pelarasan	
	Proses Pengrekodan Bayaran Dari Gaji / Bayaran Pelbagai	
	Proses Pelunasan Penghutang / Pemiutang	
	Pertanyaan Am Dan Penyata Transaksi	
	Submodul Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan	
7.	Pengurusan Kumpulan Wang Amanah	
	Tetapan Jenis Dan Kategori Kumpulan Wang	
	Pendaftaran Projek Kumpulan Wang Berintegrasi Dengan Kontrak	
	Pemantauan Projek Dan Prestasi Kontrak Kumpulan Wang	
	Proses Pembayaran Dan Penerimaan Wang Kumpulan Wang	
	Pertanyaan Am Dan Status Kontrak Kumpulan Wang	
	Submodul Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan	
8.	Lejer Aset & Susutnilai	
	Penglejeran Aset Berintegrasi Ke Modul Pengurusan Aset Alih	
	Pendaftaran Dan Penglejeran Senarai Aset Tak Alih, Hidup Dan Lain-Lain	
	Proses Penglejeran Aset Inventori	
	Proses Penglejeran Susut Nilai Bulanan / Tahunan Bagi Aset Berkaitan	
	Proses Penglejeran Perubahan Nilai Aset Tambah / Kurang	
	Proses Penglejeran Hapus Kira Dan Pelupusan	
	Penyata Transaksi Aset Dan Pertanyaan Am	
	Submodul Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan	
9.	Pengurusan Simpanan Tetap	
	Proses Pelaburan Simpanan Tetap	
	Proses Pengurusan Portfolio	
	Proses Pengurusan Perakaunan Pelaburan Dan Penglejeran	
	Submodul Jurnal Pelarasan Dan Terimaan	
	Proses *Rollover* Dan Penutupan Pelaburan	
	Pertanyaan Am Dan Penyata Transaksi	
	Submodul Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan	

BIL	MODUL	CADANGAN PETENDER
10.	Pengurusan Wang Panjar	
	Tetapan Kod Wang Panjar Mengikut Jabatan / Program	
	Permohonan Penambahan Wang Panjar	
	Proses Pengrekodan / Rekupan Wang Panjar	
	Proses Pengesahan Dan Penutupan	
	Pertanyaan Am Dan Penyata Transaksi	
	Submodul Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan	
LEJER AM & PENUTUPAN AKAUN		
11.	Lejer Am	
	Penyelenggaraan Kod Akaun (Kod Umum, Kod Objek, Kod Objek Sebagai dan Kod Objek Lanjut)	
	Proses pengkategorian kod akaun bagi Penyata Kewangan	
	Penetapan Pusat Kos	
	Pelarasan Jurnal Manual	
	Senarai Pelaporan Penuh Jurnal Sistem Pengurusan PBT	
	Semakan Audit Trail	
	Rekod Senarai Semak Penutupan Fiskal	
	Pengeluaran Lejar Am dan Penyata Kewangan Harian/Bulanan/Tahunan	
	Penyata Kedudukan Kewangan (MPSAS 1)	
	Penyata Prestasi Kewangan (MPSAS 1)	
	Penyata Aliran Tunai (MPSAS 2)	
	Penyata Perbandingan Bajet dan sebenar (MPSAS 24)	
	Pengurusan Fail Nota Penyata Kewangan	
	Proses Penutupan Harian/bulanan/Tahunan	
	Submodul Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan dan Pertanyaan	
SISTEM PENGURUSAN HASIL		
1.	Sistem ISEKAT	
	Menyediakan kemudahan kemaskini maklumat sekatan pelanggan bagi perkhidmatan tunggakan yang ditetapkan MBSJ: Cukai Taksiran Kompaun Pelesenan Sewaan Dan lain-lain perkhidmatan berdasarkan polisi terkini Majlis	
	Menyediakan kemudahan pentadbiran menyelia permohonan ansuran isekat	
	Menyediakan proses pentadbiran samaada akses pengguna awam dan akses kakitangan MBSJ berdasarkan keperluan polisi isekat	

BIL	MODUL	CADANGAN PETENDER
	Majlis	
2.	Sistem Cukai Taksiran	
	Proses menjana notis / surat peringatan akaun tertunggak	
	Penjanaan bil cukai taksiran/ notis cukai taksiran • Sistem ini boleh mengeluarkan bil/notis cukai taksiran bagi 1/2 tahun dan 1/2 kedua dalam satu tahun (2 kali setahun). Proses mengeluarkan bil/notis akan dikuatkuasa sebanyak 4 kali setahun mengikut tempoh yang telah ditetapkan iaitu kuatkuasa 1 Januari, 1 April, 1 Julai dan 1 November.	
	Merekod dan mendaftarkan jadual ansuran bayaran (API sistem ezyMBSJ)	
	Proses pengeluaran Notis E	
	Proses pengeluaran Borang F (waran Seksyen 148)	
	Proses pengeluaran Borang G (sitaan Seksyen 151)	
	Proses pengeluaran Borang H (Seksyen 156)	
	Pendaftaran writ dan NOD	
	Proses lelong dan melupus barang sitaan	
	Proses Pelarasan Debit / Kredit	
	Skim Pemungut Hutang Cukai	
	Bil Cukai dikembalikan	
	Pertanyaan Am Dan Penyata Transaksi Akaun	
	Submodul Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan	
	Integrasi dengan sistem Penilaian Semula Cukai Taksiran dan sistem Penilaian Semasa Cukai Taksiran bagi kawlan maklumat: maklumat pemilik harta maklumat pindah milik harta Maklumat penilaian harta Maklumat alamat pengeposan	
	Penyediaan modul *Debt Collector/Task Force* Cukai: Pengurusan Pengguna Pengurusan Batch Pengurusan Prestasi	
	Pemprosesan Kenaan Lain-lain kos Tambahan: Kos Bersih Kos Guaman Kos Roboh Dan lain-lain perkhidmatan ditetapkan MBSJ	
3	Sewaan Perkhidmatan	
	API ezyMBSJ dan API ezyPAY	
	Pengkategorian Aset Disewakan, Tujuan dan Kadar Sewaan	

BIL	MODUL	CADANGAN PETENDER
	Penetapan Waktu Operasi Aset dan Caj Tambahan	
	Proses Pelarasan Penjernalan Debit / Kredit	
	Pertanyaan Am Dan Penyata Transaksi Akaun	
	Submodul Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan	
4	Sewaan Premis /Utiliti	
	API ezyMBSJ dan API ezyPAY	
	Mengkategorikan penjaja mengikut jenis sewaan	
	Penetapan lokasi dan harta sewaan mengikut jabatan pengguna	
	Pengkelasan kategori, unit dan kadar sewa mengikut jenis aktiviti	
	Penyediaan kaedah memproses kekosongan gerai/pasar/premis majlis	
	Penyediaan kaedah proses permohonan penyewaan baru	
	Proses Pengurusan Data Penyewa • Penyediaan proses pengurusan data penyewa, peringatan(alert) kepada pengguna bagi penyewaan yang tertunggak setiap hujung bulan • arahan pembayaran sewaan secara *online* seperti *direct debit* atau pembayaran *online* menggunakan no. akaun sewa individu	
	Proses Penjanaan Dan Cetakan Bil	
	Proses Pelarasan Debit / Kredit	
	Proses Notis Tunggakan, Denda dan notis kunci premis	
	Proses Tindakan Mahkamah	
	Pertanyaan Am Dan Penyata Transaksi Akaun	
	Submodul Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan	
	Penyediaan proses tuntutan sivil bagi kes-kes tunggakan atau bagi kes-kes penyewa tidak aktif/dibatalkan masih mempunyai tunggakan untuk diserahkan kepada Seksyen Undang-Undang	
	Pertanyaan Am Dan Penyata Transaksi Akaun	
	Submodul Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan	
	Menjana bil bagi Deposit Letrik gerai dan nombor lejer deposit	
	Tetapan Gabungan Dengan Akaun Sewaan	
	Tetapan Tarif Utiliti Air Dan Elektrik	
	Pengrekodan Bacaan Air Dan Elektrik	
	Proses Penjanaan Dan Cetakan Bil	
	Proses Pelarasan Debit / Kredit	

BIL	MODUL	CADANGAN PETENDER
	Pertanyaan Am Dan Penyata Transaksi Akaun	
	Submodul Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan	
5	Bil Pelbagai	
	Integrasi Sistem ezyMBSJ (Bil Auto/Bil Pra-Semakan)	
	Tetapan Jenis Bil (Asas Tunai / Akru)	
	Pendaftaran Dan Janaan Bil	
	Proses Pelarasan Debit / Kredit	
	Pertanyaan Am Dan Penyata Transaksi Akaun	
	Submodul Pelaporan Senarai, Penyata dan Cetakan	
	Penyediaan pelaporan pemantauan hasil	
KUTIPAN KAUNTER DAN PENGURUSAN BUKU TUNAI		
6.	Kutipan Autodebit Pemaju	
	Carian Pelbagai Kaedah (Nombor Akaun / Kereta / IC / Nama dll)	
	Terimaan Pelbagai Kaedah Bayaran Dan *Locking* Session	
	Fungsi Cetakan Resit Berkawal (*Penyelia)*	
	Fungsi Menerima Bayaran Berkelompok	
	Fungsi Pembatalan Resit Sebelum Penutupan (berkawal)	
	Proses Penutupan – Hasil Serahan (kiraan *dino), cetak laporan kutipan harian*	
	Pengesahan Serahan	
	Penyediaan Penyata Pemungut dan Pelbagai Laporan dan Pertanyaan	
7.	Pengurusan Kutipan	
	Tetapan Maklumat Kutipan	
	Proses Penyediaan, Merekod Kutipan Hasil	
	Pengesahan kutipan Dan Rekod Buku Tunai	
	Integrasi Maklumat Kaunter Bayaran Dan kutipan Luar	
	Semakan Transaksi Kutipan	
	Pertanyaan Am Dan Submodul Pelaporan dan Penyata	
8.	PENGURUSAN KUTIPAN KAUNTER MBSJ (kaunter online dan kaunter offline(local)	
	Pengurusan terimaan bayaran semua perkhidmatan	
	Pengurusan Pelbagai Cara bayaran (Tunai dan pelbagai cara	

BIL	MODUL	CADANGAN PETENDER
	bayaran ditetapkan MBSJ)	
	Pengurusan Pembatalan Bayaran	
	Pengurusan kaunter online dan kaunter offline (berupaya menerima bayaran secara offline dan data akan dipindahkan ke fail kutipan MBSJ secara atas talian)	
